

Nama sebenarnya Gedung Kuning dan bukan Rumah Bendahara

SAYA adalah pengarang buku *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood* dan *The Mango Tree*.

Keluarga saya telah memiliki dan menginap di bangunan Gedung Kuning di Kampong Glam pada 1912-1999 sebelum diambil pemerintah di bawah Akta Pengambilan Semula Tanah.

Sekarang Restoran Mamanda beroperasi di Gedung Kuning.

Baru-baru ini saya dapati bahawa di kad-kad jemputan perkahwinan (dan juga poster) disebutkan tempat kelahiran saya itu, Gedung Kuning, sebagai Mamanda@Rumah Bendahara.

Saya ingin mengetengahkan dua fakta sejarah:

▶ Tiada rekod menunjukkan adanya bendahara (perdana menteri atau wazir dalam kerajaan Melayu) semasa Kesultanan Sultan Hussein atau keturunannya.

▶ Tiada bendahara atau yang setaraf dengannya pernah tinggal di Gedung Kuning.

Oleh itu, menyatakan bahawa Restoran Mamanda terletak di Rumah Bendahara (rumah untuk perdana menteri) adalah mengelirukan dan tidak tepat.

Tengku Mahmud memberikan nama bangunan itu Gedung Kuning kerana tembok kuning dan nama tersebut telah kekal sejak 1850.

Saya masih ingat bagaimana pada 2005, seorang mantan Anggota Parlimen (AP) telah berbincang dengan saya mengenai perubahan nama Gedung Kuning kepada Rumah Bendahara untuk 'tujuan pemasaran'.

Memandangkan tiada dokumen sebagai bukti yang menunjukkan bahawa Bendahara Riau berpusat di Singapura, saya menentang cadang-



GEDUNG KUNING: Nama bangunan yang kini menempatkan Restoran Mamanda ialah Gedung Kuning dan ia telah diberi nama oleh Tengku Mahmud dan nama tersebut telah wujud sejak 1850 lagi. – Foto fail

an itu dan cadangan tersebut kemudian digugurkan.

Satu monumen bersejarah seperti Gedung Kuning mesti diberi penghormatan sewajarnya.

Kecuali bagi papan Jejak Warisan di luar Gedung Kuning yang dipasang Lembaga Warisan Negara (NHB), pihak Mamanda, dalam bahan publisiti dan laman web mereka tidak mengiktiraf dan mengakui sejarah sebenar Gedung Kuning atau tentang Haji Yusoff, moyang saya, seorang saudagar tali pinggang.

Mengapa mengelirukan generasi

muda berkaitan kisah sebenar Gedung Kuning?

Perkara ini tidak sekadar persoalan nama, tetapi juga membabitkan sejarah warisan yang mesti dipelihara.

Mungkin pihak NHB dapat mempertimbangkan perkara ini dengan serius kerana masyarakat umum tidak harus dikelirukan mengenai fakta sejarah yang kini telah diubah semata-mata atas tujuan penjenamaan dan pemasaran.

Hidayah Amin